

SHUANG HOR

Pasangan Diamond
Andy Tan Gee Leong
Tan Mei Leng



PELUANG KEEMASAN!



Baharuilah Keahlian **Shuang Hor**
untuk Sama-sama Meniti Jalan Kejayaan,
Menantikan Impian Menjadi Kenyataan!

Asal esok masih ada, hari ini sentiasa menjadi garis pemula,
Usaha dan pengorbanan anda di **Shuang Hor**,
pasti menjadikan anda lebih cemerlang.

Segeralah baharui keahlian anda, mari kita sama-sama mencipta keajaiban pada 2022!

● Kaedah membaharui keahlian secara online dan cara pembayaran

1. Pengekar hanya perlu ke www.shuanghor.com.my pilih negara asal untuk "Log Masuk Pengekar", ikut prosedur biasa "penempahan produk" online untuk membaharui keahlian. Kod produk pembaharuan keahlian ialah: 10000.
2. Perkara yang perlu diambil perhatian semasa membaharui keahlian secara online:
 - Tempoh pembaharuan keahlian: 1/10/2021 – 31/12/2021 (sebelum pukul 12.00pm*)
 - Waktu operasi: Sila rujuk waktu penempahan online.
 - Cara pembayaran dan had minimum transaksi kad kredit*: Ikut cara pembayaran dan had minimum seperti penempahan produk secara online.
 - Pengekar hanya perlu memilih kod 10000 dalam senarai produk (untuk kegunaan pembaharuan secara online sahaja), dan ia hanya terbuka kepada mereka yang perlu membaharui keahlian, setiap pengekar layak membuat 1 (satu) pembelian sahaja.
 - Penempahan produk dan pembaharuan keahlian boleh dibayar sekali gus.

● Melalui pos, melalui kaunter, atau melalui faks, cara pembayaran dan cara membaharui keahlian

- 1) Tempoh membaharui keahlian:
 - Melalui pos: 1/10/2021~15/12/2021 (berdasarkan cap penghantaran pos)
 - Melalui kaunter (Pusat Pembekalan Produk) atau faks: 1/10/2021 ~ 31/12/2021
- 2) Melalui Pos: Draf Bank atau Wang Pos (cek tidak diterima)
- 3) Melalui Kaunter: Tunai, NETS Card (Singapura sahaja) atau Kad Kredit.
- 4) Melalui Faks (Untuk Pengekar Malaysia sahaja)
- 5) Jika anda ingin membaharui keahlian untuk 2 orang atau lebih downline, sila lengkapkan "Group Distributorship Renewal Form", kemudian faks ke +60-3-6275 4932 atau whatsapp 010-468 0436, borang permohonan boleh didapati di kaunter Pusat Pembekalan Produk atau muat turun borang dari laman web Shuang Hor. Cara pembayaran untuk pembaharuan keahlian melalui faks ialah seperti berikut:
 - (I) Pembayaran melalui kaunter bank (Public Bank atau Maybank)
 - (II) Pembayaran melalui internet banking (Bill Payment)

* Jika berlaku perubahan masa, Pengumuman di Laman Rasmi Syarikat akan menjadi rujukan muktamad.



Siapa yang perlu memperbaharui keahlian:

Semua pengekar yang menyertai kami pada tahun 2020 atau sebelumnya boleh mula memperbaharui keahlian mereka sekarang.

(Semua pengekar yang menyertai kami pada tahun 2021 terkecuali daripada pembaharuan, dan keahlian mereka adalah sah sehingga 31 Disember 2022.)

Yuran pembaharuan:

Yuran pembaharuan keahlian tahun ini adalah RM10 atau S\$4, dan demi menyahut seruan kepada kesedaran kitar semula global, anda boleh memuat turun atau melayari e-majalah suku tahunan dan kad pengekar di laman web rasmi Shuang Hor.



Borang pembaharuan keahlian boleh didapati di laman web Shuang Hor atau mengimbas kod QR ini.



C O N T E N T S

OCT-DEC 2021 No. 4



2

Sistem dan Anda
Idea ialah Magis

Temu Bual Diamond

4

Pasangan Diamond
Andy Tan Gee Leong & Tan Mei Leng

7

Pasangan Diamond
Chalis@Charles Boinsin & Emeliana Simon Lahindun

11

Gunakan Lingzhi dan Pollen untuk membentuk Pelindung Anti-wabak

12

Jia Hor Instant Soya Protein Powder
Protein Soya Berkualiti Unggul

13

Norma baharu di bawah wabak

15

Vcare Membawa Keyakinan Diri dan Daya Tarikan

18

Sudahkah Anda Bersedia
Menghadapi Transformasi Digital?

19

Shuang Hor Energy Hub
Aktiviti Cabutan Bertuah
"Vcare for U" Bulan Julai

20

Tokoh Kejayaan
Mei, Jun & Julai 2021

24

Notis Penempahan Stok



7



11

15



■ www.shuanghor.com.my
service@shuanghor.com.my
■ www.shuanghor.com.sg
service@shuanghor.com.sg

SHUANG HOR - Majalah suku tahunan istimewa yang diterbitkan khas untuk penganjur Shuang Hor. Majalah Shuang Hor diterbitkan untuk kegunaan Shuang Hor Enterprise (M) Sdn. Bhd. sahaja. Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, mengulang mana-mana bahagian majalah ini sebelum mendapat izin bertulis daripada Shuang Hor.

Diterbit Oleh: Shuang Hor Enterprise (M) Sdn. Bhd.
(Co. No. 184951-D) (AJL 93423)
No. 54, Jalan Tago 2, Taman Perindustrian Tago,
Sri Damansara, 52200 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: +60-3-62758818 Fax: +60-3-62766822

IDEA IALAH MAGIS



Baru-baru ini saya sedang merancang menerbitkan sebuah program yang bertajuk [Idea ialah Magis “Semua Keajaiban Bermula daripada Satu Idea”]. Tujuan untuk menerbitkan program ini adalah: Ingin menggunakan pertunjukan silap mata sebagai mekanisme untuk menjelaskan fakta dan justifikasi, menerbitkan satu siri rancangan untuk disiarkan di platform “Shuang Hor Energy Hub”.

Saya sangat menyukai pertunjukan silap mata, saya berpendapat pertunjukan silap mata sesuai untuk semua peringkat usia dan mempunyai nilai hiburan yang tinggi. Ia boleh berupa pertunjukan jalanan yang murah mahupun pertunjukan di dalam dewan gilang-gemilang yang mewah. Bentuk pertunjukannya boleh berupa romantis, menyentuh hati, kelak mahupun misteri, mempunyai kuasa ghaib, menakutkan ...; alatannya boleh berupa suatu benda raksasa misteri di atas pentas yang mewah, sebuah tembok besar, sebuah kapal terbang, Patung Liberty ... atau sekecil sekeping wang syiling, sebatang pen, satu set daun terup, satu gelung getah ...; namun tidak kira sama ada ia berupa pertunjukan silap mata sketsa mahupun pertunjukan epik yang mengagumkan, ia dapat menimbulkan impak visual, memperlihatkan kuasa dramatik yang mencemaskan, malah ia tidak perlu dihuraikan secara panjang lebar atau dikarang secara sengaja, ia boleh dipersembahkan secara magis dalam tindakan yang sesaat itu.

“Keajaiban” ialah realma yang ingin diekspresikan oleh pertunjukan silap mata, seperti orang yang mempunyai kuasa sakti untuk mempamerkan kuasa magis bagi mencipta keajaiban, mengubah keadaan semasa. Bukankah anda pun berasa inilah yang semua orang sedang dambakan? Mendambakan diri kita boleh mengalami perubahan yang menakutkan; mendambakan diri boleh menjadi berada daripada tiada apa-apa, daripada miskin menjadi kaya; mendambakan diri kita berjaya; badan menjadi sihat semula, menjadi cantik jelita; mendambakan keluarga bahagia; dan sebagainya. Oleh yang demikian, pertunjukan silap mata menjadi menarik, membuatkan orang berasa takjub disebabkan ia telah menyentuh bahagian hati manusia yang terlalu ingin merealisasikan keinginan yang didambakan.

Ya, manusia amat mengharapkan keajaiban, begitu juga magis! Kejayaan juga begitu! Kejayaan ialah keajaiban magis kehidupan. Cuba bayangkan satu adegan: Memegunkan latar hidup seorang yang berjaya dengan mempamerkan gambaran sebelum dan selepas orang itu, kemudian saling bertukar kedudukan, apakah ini bukan magis namanya? Seorang penjaja jalanan, dalam sekelip mata berubah menjadi seorang tokoh usahawan yang disanjung, berdiri di atas pentas dengan pakaian kemas dan kasut berkilat; motosikal berubah menjadi kereta Mercedes; rumah pangsa menjadi vila yang mewah. Adegan begini seperti rakaman penggambaran selang masa, menyaksikan perjalanan pertumbuhan menakutkan sebatang pokok besar: “Dari mula ia bercambah dan keluar dari tanah, menonjolkan tunas pertamanya dan kemudian berubah menjadi lebih tinggi, mengeluarkan lebih banyak daun lalu merimbun menjelma sebatang pokok yang teguh”. Kesederhanaan dan kemakmuran yang melepasi satu perjalanan kehidupan dalam minit dan saat: Daripada lemah menjadi kuat: daripada NOBODY menjadi SOMEBODY. Siapakah yang tidak akan tersentuh.



Selalunya saya akan membuat satu pertunjukan silap mata ringkas secara impromptu semasa berhimpun dengan kawan-kawan, respons yang sering saya dapat selepas selesai pertunjukan ialah: “Saya ingin belajar”, “Awak ada buka kelaskah?” dan paling kreatifnya ialah seorang CEO Perusahaan Kek terkenal berkata: “Ajarlah saya, saya akan tukar kek dengan awak!” Cara bercakapnya agak sombong dan mendesak seolah-olah jika dia sudah memberi saya tidak boleh menolak nilai itu. Kita akan berasa takjub akan keajaiban orang, malah timbul perasaan mendesak yang ingin tahu bagaimana orang itu melakukannya dan ingin menjadi seperti orang itu.

Tentulah, kejayaan bukan terjadi secara kebetulan, jika kita ingin berjaya maka terlebih dahulu kita perlu tahu bagaimana untuk berjaya, kerana tidak ada sesiapa pun yang dilahirkan tanpa berbuat apa-apa terus boleh berjaya. Kuncinya adalah: “Apakah yang difikirkan orang yang berjaya itu?” dan inilah kunci yang membuka pintu kejayaan. Kunci silap mata terletak di tangan ahli silap mata yang tersembunyi di sebalik permukaan berkilau yang penuh magis ataupun di sebalik (gimik peralatan). Tetapi kunci kejayaan tersembunyi di dalam “idea” yang tersimpan dalam minda seorang yang berjaya. Tanpa muslihat, maka tiadalah magis; tanpa idea maka kehidupan di dunia ini akan menjadi kucar-kacir dan hambar.

Idea menggerakkan keajaiban. Satu muslihat hanya menghasilkan satu keajaiban; satu idea boleh menguasai satu dunia! Selama 34 tahun Shuang Hor terus berusaha membuktikan prinsip ini, seperti yang anda sedia maklum --- CEO Ku seorang yang penuh rasa belas kasihan telah mengubah ansur keajaiban Lingzhi Shuang Hor; 5 prinsip utama yang digariskan beliau telah mencipta ciri keistimewaan budaya Shuang Hor serta memimpin Sistem melangkah ke hadapan dengan penuh bertenaga. Mengharap dengan sepenuh hati agar program [Idea ialah Magis “Semua Keajaiban Bermula daripada Satu Idea”] dapat disempurnakan dengan lancarnya! Dalam suasana muram yang dicengkam pandemik pada masa ini, harapan saya agar anda sekalian dapat log masuk untuk menyaksikan pertunjukan silap mata, mendengar kisah-kisah untuk mengaktifkan idea anda supaya dunia Shuang Hor anda terus gilang-gemilang.





Profil Diamond

Andy Tan Gee Leong

Tan Mei Leng



Perkembangan di Shuang Hor:

- 1hb Ogos 1996: Menyertai Shuang Hor
- Oktober 1998: Vice Manager
- Januari 2005: Senior Vice Manager
- Disember 2006: Special Vice Manager
- Disember 2020: Diamond
(bersambung.....)

Tempat tinggal: Singapura



Pasangan Diamond Andy Tan Gee Leong & Tan Mei Leng

Sikap Hati Penentu Kegagalan dan Kejayaan dalam Kehidupan, Kebenaran, Kebaikan, Keindahan ialah Inti Pati Pewarisan Perniagaan!

Dalam lautan manusia yang tidak bertepi, pernah berapa ramai yang berselisih bahu dengan kita? Pasangan Diamond Andy Tan Gee Leong dan Tan Mei Leng pula bertemu jodoh kerana kuasa tarikan perniagaan Shuang Hor, daripada perkenalan sehingga memeterai janji setia untuk hidup bersama sebagai pasangan suami isteri. Mungkin, inilah yang dikatakan jodoh pertemuan yang ditakdirkan untuk mereka sama-sama berkongsi susah senang mencipta kemakmuran dalam perniagaan Shuang Hor, seiring menghadapi segala-galanya bersama.

Sebelum menyertai perniagaan Shuang Hor, Diamond Andy Tan ialah jurutera warga Malaysia yang merantau ke Singapura untuk mencari rezeki, Diamond Mei Leng pula ialah seorang setiausaha eksekutif lulusan Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA).

Diamond Andy Tan berkata: "Walaupun pendapatan sebagai jurutera agak lumayan, tetapi selalu perlu ke luar negara untuk menjalankan tugas rasmi. Hal ini banyak menghabiskan masa yang berharga malah menjejaskan kesihatan saya. Jadi saya menyertai perniagaan Shuang Hor pada 2009 setelah diperkenalkan oleh seorang rakan kerja. Dahulu, saya tidak memahami perniagaan jualan langsung lalu berasa sangat menentang. Namun setelah mengikuti perkongsian rakan kerja yang sabar menjelaskan bagaimana perniagaan Shuang Hor membawakan idea 'kewangan+masa+kesihatan' pada satu masa ke dalam kehidupan, kelebihan ini telah menyebabkan saya mengubah pandangan terhadap perniagaan Shuang Hor."

Selepas setengah tahun beliau menyertai perniagaan Shuang Hor, produk Shuang Hor memang telah membantu memulihkan kesihatannya, jadi beliau terus mengambil keputusan mempertaruhkan nasib untuk menceburi perniagaan ini secara sepenuh masa!

"Kita perlu mencari kaedah demi kejayaan, tidak mencari alasan atas kegagalan. Jika ingin membuka rangkaian jualan langsung maka kita perlu membuka pasaran asing, walaupun saya tiada sebarang pengalaman dalam perniagaan jualan langsung, saya sanggup menghadapi cabaran dan terus meningkatkan diri!" Begitulah penjelasan Diamond Andy Tan.

Diamond Mei Leng menghadapi masalah kesihatan ketika mengikuti pengajian di Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman, setelah disyorkan bersungguh-sungguh oleh seniornya, beliau mula mencuba Lingzhi malah kemudiannya turut membeli untuk ahli keluarga beliau; keadaan kesihatan mereka telah bertambah baik. Setelah beberapa kali menghadiri seminar, analisis teliti yang disampaikan oleh para upline menyebabkan beliau benar-benar merasai kebenaran, kebaikan dan keindahan perniagaan Shuang Hor malah amat tertarik oleh Lima Prinsip Utama dan 8 Hala Tuju Kesempurnaan Kehidupan. Oleh yang demikian beliau menceburi perniagaan Shuang Hor secara sambilan pada Ogos 1996 dan mengambil keputusan untuk mengusahakannya secara sepenuh masa pada 2004. Perniagaan Shuang Hor menyebabkan beliau berpeluang mengembangkan perniagaannya di Indonesia, prosesnya bukan sahaja amat mencair tetapi juga telah membentuk sikap beliau yang berdikari dalam menjalankan perniagaan Shuang Hor.

Alasan Pasangan Diamond Andy Tan Gee Leong dan Tan Mei Leng Menceburi Perniagaan Shuang Hor:

- ✓ Shuang Hor ialah perniagaan yang menguntungkan orang lain dahulu kemudian menguntungkan diri. Asalkan menyumbangkan rasa kasih, kita sudah dapat menjayakan orang lain serta menjayakan diri, ketabahan pasti menjayakan matlamat anda!
- ✓ Shuang Hor melaburkan modal, anda menjadi bos! Sesuai untuk mereka yang bertekad memulakan perniagaan tetapi kekurangan modal.
- ✓ Orang biasa melakukan perkara yang biasa (mengguna produk, berkongsi produk) tetapi dapat menjalani kehidupan luar biasa dengan sebuah perniagaan yang hebat.



Dengan Impian di Hati, Peluang Pasti Menyelubungi Anda

Walaupun pada ketika itu pasangan Diamond Andy Tan Gee Leong dan Tan Mei Leng ingin memulakan perniagaan, tetapi mereka kekurangan modal dan pengalaman, perniagaan Shuang Hor pula dapat menyediakan produk yang berkualiti tinggi serta Sistem Operasi yang sempurna sehingga mereka tidak perlu risau, hal ini merealisasikan hasrat mereka untuk bekerja secara mudah serta dapat memperoleh pendapatan pasif.

"Sesungguhnya, asalkan kita sentiasa melakukan kerja-kerja duplikasi dengan baik (penajaan dan operasi rangkaian), kita pasti dapat menikmati pendapatan pasif di Shuang Hor. Ramai pelanggan turut menyertai dan mempromosikan perniagaan Shuang Hor selepas menggunakan produk. Dengan itu kami amat percaya bahawa perniagaan Shuang Hor ialah sebuah perniagaan lestari yang boleh diwariskan dari satu generasi ke generasi yang lain!"

Menyertai perniagaan Shuang Hor membolehkan mereka mencapai matlamat untuk bersara awal dan menjalani kehidupan luar biasa dengan memiliki kesihatan, kebebasan masa dan kewangan. Walaupun pada peringkat permulaan menjalankan perniagaan Shuang Hor perlu belajar tentang pengetahuan produk, menyebarkan perniagaan serta melakukan kerja-kerja mendidik downline, tetapi "jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya".

Dalam sekelip mata, lebih 20 tahun sudah berlalu. Pasangan Diamond Andy Tan Gee Leong dan Tan Mei Leng sejujurnya mengaku bahawa ada satu suara yang sentiasa menjerit-jerit di dalam hati bahawa suatu hari nanti mereka pasti dapat memahat nama mereka di batu penanda Diamond Shuang Hor! Dan pada 2018, Bengkel Latihan Kemuncak yang dikendalikan oleh Pemimpin Sistem Encik Ku telah memberi peluang keemasan kepada mereka! Pelancaran Pelan Pemasaran Kopi 111 membolehkan pasangan ini melihat harapan.

Dengan penuh yakin mereka berkata: "Jika ingin berubah, hendaklah bermula daripada diri! Pada ketika itu juga kami telah menetapkan matlamat baharu, bukan sahaja belajar daripada sifar malah bertindak sebagai orang baharu yang mengikuti ceramah tentang Pelan Pemasaran Kopi 111 serta menghadiri Seminar Sistem yang disampaikan oleh tidak terbilang banyaknya pemimpin, daripada itu kami telah memperoleh banyak faedah."



Sebaik Sahaja Impian Diiringi Tindakan, Kebahagiaan akan Datang kepada Anda

Bermula dari 2019, prestasi pasangan Diamond Andy Tan Gee Leong dan Tan Mei Leng mula meningkat. Walaupun seluruh dunia terjejas oleh pukulan pandemik Covid-19 pada 2020, mereka tetap percaya bahawa krisis ialah peluang perubahan dan peluang pula selalunya menanti orang yang bersedia. "Produk utama Shuang Hor ialah suplemen kesihatan, dalam situasi penggabungan masa, tempat dan manusia, tindakan ialah kunci kejayaan! Oleh yang demikian, dalam tempoh pelaksanaan PKP, kami tetap bertindak bersungguh-sungguh setiap hari dengan melakukan kerja-kerja bimbingan melalui telefon dan seminar dalam talian untuk berhubung dengan downline, menterjemahkan rasa kasih dan dedikasi melalui tindakan tanpa berlelah!"

Tuhan sentiasa mengganjarkan orang yang berusaha, pada Disember 2020, pasangan Diamond Andy Tan Gee Leong dan Tan Mei Leng akhirnya merealisasikan impian Diamond mereka. Mereka tidak teragak-agak menyatakan bahawa Pelan Pemasaran Kopi 111 membantu meningkatkan prestasi mereka pada tempoh pandemik ialah kunci utama membolehkan mereka mencapai status Diamond! Hal ini juga telah mengesahkan kata-kata para upline: Shuang Hor ialah perniagaan yang dapat bertahan uji dalam suasana kemelesetan ekonomi!

Mereka berasa amat terhutang budi kepada kedua-dua ibu bapa mereka atas jasa mengasuh dan membesarkan mereka. Mereka juga mengucapkan terima kasih kepada para upline yang mendidik dan membimbing mereka dengan sepenuh hati, tidak lupa juga kepada semua kakitangan Syarikat Shuang Hor yang memberikan kerjasama dan bantuan yang padu sehingga membolehkan mereka mengembangkan perniagaan Shuang Hor tanpa risau. Terima kasih juga kepada para Diamond atas perkongsian yang tidak mementingkan diri, membolehkan mereka belajar dan mematangkan diri dalam Seminar Sistem. Selain itu, mereka juga berterima kasih kepada Sistem Pendidikan Shuang Hor, terutamanya pelancaran Sistem e-Learning yang banyak memberikan manfaat.

Akhir sekali pasangan Diamond Andy Tan Gee Leong dan Tan Mei Leng ingin mengambil kesempatan ini untuk berkongsi pengalaman mereka mengusahakan perniagaan Shuang Hor:

- Tuhan akan menjaga mereka yang menghargai diri sendiri.

Jika hendak berubah, jangan menolak orang yang berkongsi kesihatan dan kewangan dengan anda. Shuang Hor ialah platform yang menyediakan impian dan peluang, setelah melalui usaha gigih berlipat ganda dan tabah bertahan, anda pasti dapat mencapai kehidupan berjaya yang serba sempurna!

$[(\text{Impian} + \text{Peluang}) \times (\text{Usaha} + \text{Tabah})] = [\text{Kejayaan} : \text{Kehidupan Serba Sempurna Shuang Hor}]$



Asalkan kita gigih mewariskan sikap hati yang benar, baik dan indah, kita pasti dapat mewarisi sebuah kehidupan berjaya yang berterusan! Pasangan Diamond Andy Tan Gee Leong dan Tan Mei Leng menggunakan pengalaman 25 tahun mengusahakan perniagaan Shuang Hor bersama hati yang penuh kasih, merumuskan satu set formula "kejayaan", dengan harapan kejayaan Diamond bukan sahaja dapat menghias indah kehidupan mereka malah dapat memberi inspirasi kepada orang lain.

Jadikanlah Shuang Hor sebagai suatu gaya hidup dan hiduaplah mengikut cara Shuang Hor. Kerana Shuang Hor, kehidupan tampak gemilang, kerana Shuang Hor hidup ini tiada sesalan!



Profil Diamond

Chalis@Charles Boinsin

Emeliana Simon Lahindun



Perkembangan di Shuang Hor:

- 24hb Julai 2018: Menyertai Shuang Hor
- Oktober 2018: Vice Manager
- Mac 2019: Senior Vice Manager
- Jun 2019: Special Vice Manager
- Disember 2020: Diamond (bersambung.....)

Tempat tinggal: Kota Kinabalu, Sabah

Pasangan Diamond Chalis@Charles Boinsin & Emeliana Simon Lahindun

Peluang Datang dari Kegigihan yang Berterusan, Taballah Berusaha, Impian Pasti Menjadi Kenyataan

Apabila anda menghadapi perkara yang tidak diingini dalam kehidupan, adakah anda akan berusaha sedaya upaya untuk menerobos kesukaran itu atau memilih untuk meneruskan kehidupan yang sukar itu?

Sesungguhnya, asalkan anda sanggup melangkahakan langkah pertama untuk mengubah diri, kami percaya anda pasti dapat meraih kejayaan yang tidak disangka dalam masa yang terdekat! Ketika pasangan Diamond Chalis@Charles Boinsin dan Emeliana Simon Lahindun menghadapi kegagalan dan kesusahan, mereka sentiasa mengekalkan sikap positif dan tidak putus asa, hal ini jugalah yang menyemaikan benih kejayaan dalam kehidupan mereka kemudian hari.

Sebelum menceburi perniagaan Shuang Hor, Diamond Chalis@Charles Boinsin ialah seorang juruteknik elektrik berpengalaman selama 26 tahun. Pasangan ini pernah menyertai banyak syarikat jualan langsung tetapi belum mendatangkan sebarang kejayaan yang nyata.

Akibat terjejas oleh kemerosotan ekonomi, sejak tahun 2014, Diamond Charles telah mengalami tempoh tanpa kerja selama 4 tahun. Pada ketika itu, mereka telah kehabisan semua simpanan yang ada, kereta juga ditarik oleh pihak bank, malah telah mengalami kesukaran membayar sewa rumah. Demi mengatasi masalah yang terdesak pada ketika itu, mereka terus mencuba pelbagai perniagaan jualan langsung, namun hasilnya tidak seperti yang diharapkan, usaha mereka tidak dapat membantu mereka meloloskan diri daripada belunggu bebanan ekonomi yang berat.

Ketika Sebuah Pintu Anda Tertutup, Tuhan Pasti Membuka Sebuah Jendela untuk Anda

Pada Julai 2018, kawan Charles telah memperkenalkan CEO Cafe kepadanya, kesan cemerlang produk ini berserta dengan begitu banyak testimonial telah menyemarakkan keazaman beliau untuk memulakan perniagaan baharu. Diamond Charles berpendapat bahawa kopi ialah minuman yang selalu diminum orang, dan Sabah pula mempunyai begitu banyak penggemar kopi. Jika CEO Cafe benar-benar mempunyai testimonial yang tidak terkira banyaknya, ia pasti boleh mencipta masa depan yang cemerlang di Sabah! Dengan itu, beliau mengikut cadangan kawannya untuk memulakan perniagaan Shuang Hor.

Demi melepaskan diri daripada belunggu kesusahan pada masa itu, pasangan Diamond Charles dan Emeliana mempromosikan perniagaan Shuang Hor secara aktif setiap hari, malah rajin berkongsi produk dan testimonial dengan orang lain, dengan harapan dapat maju dalam kehidupan yang lebih baik. Dengan usaha gigih yang berterusan, pasangan ini telah berjaya menyerlahkan pencapaian mereka dalam perniagaan Shuang Hor, bukan sahaja keadaan ekonomi keluarga mereka bertambah baik malah pada bulan ke-11 menyertai

perniagaan Shuang Hor mereka berjaya meraih kekayaan besar pertama yang diimpikan mereka selama ini!

Diamond Emeliana berkata: "Syarikat Shuang Hor mempunyai pelan pemasaran yang paling mudah di pasaran, Pelan Pemasaran Kopi 111 bukan sahaja mudah disalin, malah hanya perlu menjemput orang lain minum kopi dan menganjurkan Parti Kopi sahaja sudah boleh mengusahakan perniagaan Shuang Hor dengan mudah, ini jugalah sebabnya yang dapat menarik rakan baharu menyertai perniagaan Shuang Hor dan mempromosikan Pelan Pemasaran Kopi 111."

Pada tahun 2020, pandemik Covid-19 yang tiba-tiba meletus menyebabkan pasangan Diamond Charles dan Emeliana menghadapi cabaran kemerosotan prestasi. Bak kata pepatah: "Setiap masalah pasti ada penyelesaiannya", mereka tidak pernah berputus asa, malah sentiasa bersikap positif dan proaktif menghadapi setiap masalah.

"Sebelum ini, ramai pelanggan hanya membeli CEO Cafe untuk minum semata-mata, tetapi selepas kami terus memperkenalkan dan berkongsi tentang kebaikan Lingzhi Shuang Hor, semakin ramai orang memberi perhatian kepada kepentingan kesihatan lalu semakin ramai orang membeli Lingzhi Shuang Hor." Pandemik kali ini turut memberi mereka misi, mereka berazam hendak membantu lebih ramai orang menikmati kehidupan yang sihat.



Bagaimana Usaha Begitulah Hasilnya, Setiap Sumbangan Pasti Ada Ganjarannya

Asalkan kita mengusahakan setiap perkara dengan sepenuh hati, kita pasti mendapat ganjaran yang sewajarnya! Selepas 2 tahun 5 bulan pasangan Diamond Charles dan Emeliana menyertai perniagaan Shuang Hor, mereka telah berjaya mencapai status Diamond! Berkenaan dengan kejayaan mereka mencapai status Diamond dalam tempoh pandemik melanda, mereka berasa amat bangga kerana usaha mereka akhirnya mendapat pengiktirafan yang sewajarnya!

Diamond Charles berkata: "Yang paling penting adalah jangan menyerah kalah! Apabila anda berasa susah, semua perkara akan kelihatannya susah; apabila anda memberitahu diri 'Saya akan berusaha sehabis baik', maka kejayaan sudah tidak jauh dari anda."

Bercakap tentang rahsia mengusahakan perniagaan Shuang Hor, Diamond Charles dengan yakinnya berkata bahawa perisian komunikasi telefon pintar WhatsApp ialah senjata rahsia kejayaan mereka! Mereka menggunakan kemudahan yang disediakan Apps ini sepenuhnya untuk menyampaikan maklumat produk kepada downline. Pada masa yang sama, mereka juga membimbing downline mereka mewujudkan kumpulan WhatsApp supaya mereka dapat membina kumpulan pelanggan yang besar dalam masa yang singkat.

"Ramai orang salah faham tentang perniagaan Shuang Hor, mereka sangka perlu mencari ramai orang menyertai baru boleh membina sebuah rangkaian yang besar; pada hakikatnya kita hanya perlu mencari orang yang mengguna produk, bukan jurujual produk. Asalkan pengguna sudah mengguna produk Shuang Hor, mereka akan mengalami keberkesanan produk itu sendiri lalu dengan mudah mereka dapat memujuk orang lain menyertai perniagaan Shuang Hor melalui perkongsian testimonial sendiri."

Pasangan Charles dan Emeliana berkata: "Rancangan dan tanggungjawab kami selepas mencapai status Diamond adalah untuk membantu downline mencapai kejayaan, lagipun kejayaan downline ialah pencapaian terbesar kami. Semua rangkaian downline ialah rakan kongsi perniagaan kami dan kami akan selalu bersikap proaktif mengambil berat tentang perniagaan mereka, menjadi pembantu yang boleh diharapkan mereka dalam perniagaan. Kami juga sentiasa mengingatkan diri sendiri supaya bersikap rendah hati, saling menggalakkan, mengamalkan semangat tidak mementingkan diri, malah jangan lepaskan peluang untuk berbincang dengan kumpulan kecil rangkaian!"

Pasangan Diamond Charles dan Emeliana ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada mereka di bawah ini yang pernah menyokong dan membantu mereka:

1. Terima kasih kepada upline Special Vice Manager Raymond Chin

Jika bukan kerana beliau menaja kami menyertai syarikat Shuang Hor, tentulah tidak ada kejayaan kami pada hari ini! Ketika kami menghadapi kesusahan kewangan dahulu, mujurlah upline banyak menghulurkan bantuan kepada kami.

2. Terima kasih kepada upline kepada upline Special Vice Manager Bruce Goh

Beliau mengajar kami tentang produk syarikat Shuang Hor dan pengetahuan tentang Sistem e-Learning, malah mengambil usaha menemani kami ke serata tempat di Sabah untuk mempromosikan perniagaan Shuang Hor sehinggalah kami dapat melakukannya secara berdikari.

3. Terima kasih kepada semua upline: Special Vice Manager Aling, Special Vice Manager Jenny Pan, Senior Vice Manager Solomon

Terima kasih kepada kata-kata nasihat yang berguna kalian dan sentiasa memberikan cadangan, dorongan serta galakan.

4. Terima kasih kepada pasangan Double Diamond Gan Yee Sim dan Nyon Huey Kiong

Double Diamond Gan yang berasal dari Singapura mempunyai wawasan yang luar biasa, beliau telah membuka peluang perniagaan Shuang Hor kepada orang Sabah dan seterusnya mengubah kehidupan kami.

5. Terima kasih kepada semua orang yang pernah membantu kami mencapai kejayaan hari ini

Terima kasih kepada semua pemimpin dan rakan perniagaan rangkaian, terima kasih juga kepada semua pemimpin sideline yang mempunyai matlamat yang sama seperti kami.



"Kejayaan pasti ada caranya, kegagalan pasti ada sebabnya"

Asalkan terus belajar daripada pemimpin yang berjaya, suatu hari nanti kita pasti akan berjaya seperti mereka, memasuki barisan Diamond! Mereka telah membuktikan kaedah menuju kejayaan, seterusnya kita hanya perlu terus belajar dan melakukan penduplikasian.


Jangan menyerah kalah, kejayaan sedang mendekati kita!

"Terima kasih semua, kita jumpa di puncak jaya Shuang Hor nanti!"

"Sentiasa ada orang menghargai anda, sentiasa juga ada orang mengkritik anda"

Dalam kehidupan, bukan semua perkara akan berjalan dengan lancar. Anda tidak boleh menghalang orang lain membuat komen terhadap anda, tetapi anda boleh menjadikan diri sebagai sasaran berjaya untuk orang lain membuat komen.

Sekotak CEO Cafe nampak begitu ringkas tetapi ia mengandungi potensi yang tidak terbatas; perniagaan Shuang Hor membolehkan pasangan Diamond Charles dan Emeliana menggunakan sekotak kopi untuk melepasi saat yang paling sukar dalam kehidupan mereka dengan mudah, sejak itu mereka menjalani kehidupan yang bahagia dan gembira!



KKLIU 1525/2019

Yung Kien Ganoderma (Lingzhi)

Penggunaan tradisional untuk kesihatan umum. Ganoderma dapat memperbaiki kesihatan. Ia adalah sejenis produk tradisional yang dapat mengekalkan kesihatan jika dimakan untuk jangka masa yang panjang. Ini adalah iklan produk tradisional.

Yung Kien Ganoderma 2

Penggunaan tradisional untuk kesihatan umum. Ganoderma dapat memperbaiki kesihatan. Ia adalah sejenis makanan yang dapat mengekalkan kesihatan jika dimakan untuk jangka masa yang panjang. Teknik Penulenan: Mengekstrak dan menulen dengan menggunakan teknik penulenan berteknologi tinggi. Ini adalah iklan produk tradisional.



KKLIU 1528/2019



KKLIU 1530/2019

Yung Kien Pollen (Granular)

100% debunga lebah. Debunga kaya berkhasiat. Ia digelar "makanan sempurna" kerana dapat membekalkan khasiat menyeluruh yang diperlukan oleh badan, untuk menguatkan badan. Tiada bau hanyir atau bersifat kasar. Granular yang dibungkus dalam paket adalah bersih dan lebih mudah dibawa. Ini adalah iklan produk tradisional.



KKLIU 1524/2019

Yung Kien Pollen (Capsule)

100% debunga lebah. Debunga kaya berkhasiat. Ia dapat membekalkan khasiat menyeluruh yang diperlukan oleh badan, untuk menguatkan badan. Tiada bau hanyir atau bersifat kasar. Sesuai dimakan oleh semua orang. Ini adalah iklan produk tradisional.

Pertempuran Yang Tiada Penghujung



Gunakan Lingzhi dan Pollen untuk membentuk Pelindung Anti-wabak



Pandemik Covid 19 menyebabkan kita panik dan hidup dalam ketakutan. Sebenarnya, perang antara manusia dan virus tidak ada penghujung, dan Covid 19 juga tidak akan menjadi yang terakhir.

Sejak peletusan wabak Covid 19 secara global pada awal tahun 2020 sehingga hari ini, masih belum ada tanda-tanda peredaan. Ditambah dengan penularan virus mutan yang meluas dan pantas, penularan wabak di pelbagai negara menjadi semakin parah. Kajian telah mengesahkan bahawa strain mutan ini mempunyai keupayaan berjangkit yang sangat tinggi, malah ada juga yang memiliki “mekanisme pengelakan” kebal, yang memungkinkan jangkitan semula pada orang yang sudah mempunyai antibodi atau telah divaksinasi di seluruh dunia. Pada saat genting ini, selain meningkatkan kesedaran pencegahan diri, menjaga fungsi badan yang sihat dan meningkatkan imuniti badan adalah peraturan kelangsungan hidup untuk menangani virus tersebut.

Keimunan boleh dikatakan sebagai barisan pertahanan pertama terhadap virus, dan keimunan yang kuat adalah sokongan badan manusia terhadap kuman. Untuk meningkatkan imuniti, kita memerlukan diet yang berkhasiat dan seimbang, senaman teratur dan rutin kerja dan rehat yang normal. Keimunan berkait rapat dengan diet. Contohnya, probiotik bermanfaat bagi memelihara keseimbangan microbiota usus dan meningkatkan imuniti; vitamin A dan vitamin B dapat mengekalkan fungsi imun badan; dan mineral pula dapat melindungi sel imun. Walaupun kebanyakan orang pada zaman moden makan dengan banyak, mereka sering alpa terhadap kalori yang berlebihan dan pemakanan yang tidak seimbang.

Meningkatkan imuniti adalah seperti menabungkan wang simpanan tetap untuk badan, mengumpul modal kesihatan secara perlahan. Apabila virus menyerang, badan kita dapat menahan pencerobohan benda asing. Lingzhi dapat menyelaraskan daya imuniti, memperbaiki kesihatan dan mempertingkatkan metabolisme serta mempergiatkan fungsi metabolisme hati; Pollen kaya dengan vitamin dan unsur surih yang diperlukan untuk meningkatkan kecergasan fizikal. Gabungan penggunaan Lingzhi dan Pollen dapat memperkukuh “sistem kesediaan imun dalaman”, membolehkan fungsi keimunan badan secara semula jadi memainkan peranan pertahanannya untuk mencegah serangan kuman dan virus. Pemakanan berkualiti tinggi ini juga membolehkan sistem ketahanan badan menyuburkan kekuatan pertahanannya dan melindungi kesihatan.

Protein merupakan komponen utama tisu otot dan sel-sel badan. Sistem keimunan badan juga memerlukan protein untuk berfungsi secara normal. Hospital St. Michael di Toronto, Kanada baru-baru ini menerbitkan kajian baharu dalam Journal of Nutrition, yang mengesahkan bahawa kacang soya berkait rapat dengan penyakit kardiovaskular. Dalam garis panduan diet terbaru Kanada tahun 2019, orang Kanada digalakkan untuk menambah nutrien seperti protein dan kalsium dari tumbuh-tumbuhan, seperti kacang soya, untuk menggantikan pengambilan susu dan daging.¹

Jia Hor Instant Soya Protein Powder menggunakan protein soya terasing, yang kaya dengan gabungan asid amino lengkap yang diperlukan oleh badan manusia, dan boleh dikatakan sebagai sumber protein berkualiti tinggi terbaik! Kami tegas untuk menggunakan “kacang soya yang tidak diubah secara genetik” semula jadi, yang tidak mengandungi kolesterol atau purin; di samping itu, enzim betik dan enzim nanas ditambahkan untuk membantu menguraikan protein, sehingga badan dapat menyerap protein dengan lebih baik, dan pada masa yang sama mengurangkan beban metabolisme badan, supaya anda dapat makan dengan sihat dan selamat!

Jia Hor Instant Soya Protein Powder

Protein Soya Berkualiti Unggul

4 kumpulan pemakan utama

- 1) **Sebelum makan:** Bagi mereka yang ingin menguruskan berat badan, protein soya adalah pilihan yang baik sebelum makan, kerana soya kaya dengan serat makanan dan rendah kalori, di samping dapat membantu melanjutkan rasa kenyang dan menstabilkan gula darah, serta mengelakkan pengambilan kalori yang berlebihan pada masa yang sama. Sekiranya boleh dimakan bersama Jia Hor Fibre, kesannya pasti lebih menonjol!
- 2) **Penggemar sukan dan kecergasan:** suplemen protein sebelum latihan dapat membantu meningkatkan daya tahan latihan; suplemen protein selepas bersenam dapat membantu memperbaiki dan membina tisu otot. Jia Hor Instant Soya Protein Powder tersedia dalam pek kecil mudah-bawa. Anda boleh menambah protein dengan mudah, di mana sahaja.
- 3) **Pekerja pejabat:** Pada waktu minum petang, dambakan makanan ringan di pejabat? Tambahkan Jia Hor Instant Soya Protein Powder dengan air dalam botol penggoncang dan minum segera. Snek sihat dan kenyang tanpa beban.
- 4) **Warga emas:** Protein sangat penting untuk warga tua dengan fungsi imun yang semakin merosot. Protein soya terasing yang berkepekatan tinggi dalam bentuk serbuk memudahkan pengambilan warga tua dengan fungsi gigi yang semakin merosot. Sekiranya boleh, gabungkan dengan latihan otot yang sederhana untuk mengelakkan otot dan keimunan mengalami penuaan bersama-sama.

Sumber:

1= <https://www.sciencedaily.com/releases/2019/05/190506111423.htm>



Norma baharu di bawah wabak

Perubahan gaya hidup dan gaya sosial, seperti tidak dapat keluar rumah, bekerja dari rumah, belajar dalam talian, dll.

Struktur tulang yang saling berkaitan

Otot



Selain melindungi organ dalaman dan menyokong badan, komuniti perubatan mendapati bahawa ia sebenarnya lebih mirip organ endokrin yang dapat menghasilkan pelbagai hormon sel imun, yang berkait rapat dengan keimunan badan. Kurangnya aktiviti dalam jangka panjang, kekurangan aktiviti fizikal dan senaman yang tetap, akan menyebabkan kekuatan, kelenturan dan daya tahan tisu otot merosot (terutamanya otot di sekitar sendi lutut dan sendi siku). Lama-kelamaan, otot akan kehilangan keupayaannya secara perlahan dan tidak ketara, mempercepat risiko kehilangan otot, atrofi dan degenerasi.



Tulang



Tulang seperti asas dan tunggak bangunan. Sekiranya struktur menjadi longgar atau tidak seimbang sehingga menyebabkan kemiringan, pasti akan mempengaruhi keselamatan penghuni di dalam bangunan, yakni organ dalaman dan sistem endokrin, lantas memberi kesan kepada seluruh badan. Tidak dapat bersenam atau terdedah kepada sinar matahari untuk jangka yang lama, terutamanya jika tidak ada aktiviti dan senaman yang menanggung berat badan selama beberapa bulan, ini akan mengakibatkan perubahan kepadatan tulang yang jelas dan mempercepat kehilangan tulang. Selain itu, postur yang buruk, seperti menatap skrin telefon bimbit atau alatan elektronik, memiringkan kaki, dan lain-lain juga akan memburukkan ketidakseimbangan struktur tulang, menyebabkan ketegangan otot dan kekakuan badan, anjakan tulang belakang dan masalah lain dalam jangka masa panjang, lantas menyebabkan ketidaklarasan sistem saraf simpatik atau mempengaruhi kualiti tidur.



Rawan artikular



Kesihatan tisu lembut dan sendi mungkin memberi kesan negatif terhadap kemahiran proprioseptif badan. Propriosepsi merujuk kepada rasa kedudukan dan kawalan dinamik badan ketika badan bergerak. Kemahiran ini diperoleh terutamanya melalui latihan dan penggunaan biasa. Ketika kita keluar dan berjalan-jalan, berjalan di jalan yang tidak rata, berjalan melalui orang ramai, dan menukar arah untuk mengelakkan pertembungan dengan orang lain, propriosepsi sangat penting untuk menjaga keseimbangan badan, dan koordinasi yang tetap dari cabaran keseimbangan ini dapat membantu menjaga kesihatan sendi tisu lembut.



Pilihan pertama protein berkualiti tinggi ~

Jia Hor Instant Soya Protein Powder

